

28 JAN 2002

UNHCR-Tegur/I

UNHCR DIKRITIK LAYANAN TERHADAP PELARIAN ROHINGYA

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) hari ini dikritik kerana menyerahkan 28 pencari perlindungan Islam Rohingya kepada pihak berkuasa Malaysia Jumaat lepas.

Setiausaha agung Pusat Maklumat Rohingya Syedul Amin Syed Ahmad hari ini berkata daripada menyediakan tempat perlindungan kepada mereka ini, UNHCR telah memanggil pihak berkuasa Malaysia dan menyerahkan mereka kepada polis.

"UNHCR bertanggungjawab untuk membantu masyarakat yang tertindas seperti Rohingya. Malahan mereka diiktiraf sebagai pelarian di bawah mandat UNHCR kerana mereka telah diletakkan di bawah mandat kemanusiaan oleh PBB dan Konvensyen Pelarian," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menggesa UNHCR supaya melayani orang Islam Rohingya setaraf dengan pencari suaka dan pelarian yang lain di Malaysia.

Seramai 28 pelarian Islam Rohingya termasuk wanita dan kanak-kanak, dari wilayah Arakan, Myanmar memecah masuk kawasan UNHCR untuk meminta perlindungan Jumaat lepas dan diserahkan kepada polis keesokan harinya.

"Kami merayu kepada kerajaan Malaysia, terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya bersimpati dan memberikan tempat perlindungan sementara sehingga penduduk Rohingya itu boleh pulang ke tempat asal mereka di Arakan," katanya.

Beliau berkata jika kaum Rohingya di Malaysia itu pulang sekarangndi bawah regim yang ada, hak asasi mereka akan dicabuli.

Kumpulan Rohingya itu adalah sebahagian daripada kira-kira 7,000 pelarian Rohingya yang berada di Malaysia sejak 1988.

-- BERNAMA

SLR AHH JK RON